HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Hakim Kanan / Hakim Mahkamah
Sesyen Semenanjung Malaysia

Pendaftar Kanan / Pendaftar
Mahkamah Sesyen Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA BIL . 2 TAHUN 2008

PENDAFTARAN KES-KES PASARAN MODAL DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993, AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI 1983, AKTA PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN 1993, AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 1991, AKTA BANK PUSAT MALAYSIA 1958, AKTA INSTITUSI PERBANKAN DAN KEWANGAN 1989, AKTA SYARIKAT 1965, AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001

Setelah menerima dan mengkaji maklumbalas Arahan Amalan Bil 3/2004 saya mengarahkan agar pendaftaran kes-kes pasaran modal di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Akta Bank Pusat Malaysia 1958, Akta Institusi Perbankan Dan Kewangan 1989, Akta Syarikat 1965 dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 hendaklah terus didaftarkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan menggunakan kod pengkelasan seperti berikut :

a)	Pemfailan kes baru	Kod 62A
b)	Rayuan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi	Kod 42A

2. Pengecualian adalah diberikan kepada kes-kes di mana pendakwaan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kes-kes tersebut adalah dibenarkan untuk didaftarkan di Mahkamah Sesyen di mana kesalahan seperti yang dipertuduhkan dilakukan dan hendaklah menggunakan kod pengkelasan seperti di atas.



Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel: 03-88803552 Fax: 03-88803556

3. Kes-kes yang sedia ada yang berada diperingkat separuh bicara, ia hendaklah diteruskan perbicaraannya di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Kuala Lumpur manakala bagi kes-kes sedia ada yang belum dimulakan perbicaraannya, ia hendaklah di pindahkan ke Mahkamah Sesyen di mana kesalahan seperti yang dipertuduhkan dilakukan.

4. Arahan Amalan Bil 3/2004 dengan ini adalah dibatalkan. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.



(TAN SRI DATO' SERI ALAUDDIN BIN DATO' MOHD. SHERIFF)

Hakim Besar Malaya

5hb September 2008

s.k.:

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara
   Mahkamah Persekutuan Malaysia

2. YBhg Peguam Negara
   Jabatan Peguam Negara

3. Ketua Pendaftar
   Mahkamah Persekutuan Malaysia

4. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
   Mahkamah Persekutuan Malaysia

5. Jabatan Undang-Undang
   Bank Negara Malaysia

6. Jabatan Pendakwaan Dan Penguatkuasaan Sivil
   Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

7. Bahagian Perundangan
   Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

8. Majlis Peguam Malaysia
   Kuala Lumpur

9. Pegawai Undang-Undang
   Bahagian Penyelidikan
   Mahkamah Persekutuan Malaysia

10. Perpustakaan
    Mahkamah Persekutuan Malaysia